

**Untuk Siaran Segera
27 Mac 2026**

**ASNB MENGUMUMKAN PENGAGIHAN PENDAPATAN
SEBANYAK 5.50 SEN SEUNIT UNTUK ASB 2 DAN 5.00 SEN
SEUNIT UNTUK ASM**

Mencatat Prestasi Mampan dengan jumlah pengagihan pendapatan sebanyak RM2.36 bilion, yang memberi manfaat kepada lebih 1.46 juta pemegang unit

- Syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad, Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), hari ini mengumumkan pengagihan pendapatan untuk dua dana harga tetap iaitu Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB 2) dan Amanah Saham Malaysia (ASM) bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2026.
- ASB 2 mengisytiharkan pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM0.82 bilion yang memanfaatkan 680,141 pemegang unit. Pulangan sebanyak 5.50 sen seunit ini mengatasi penanda aras pulangan 2.18% yang dicatatkan oleh Deposit Tetap 12-bulan Maybank sebanyak 332 mata asas (bps).
- Bagi tempoh yang sama, ASM turut mengisytiharkan pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM1.54 bilion, iaitu bersamaan 5.00 sen seunit kepada 786,088 pemegang unit. Pulangan sebanyak 5.00% ini mengatasi penanda aras yang sama sebanyak 282 bps.

Kuala Lumpur, 27 Mac 2026: Syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), hari ini mengumumkan jumlah pembayaran pengagihan pendapatan sebanyak RM2.36 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2026 untuk dua dana harga tetap iaitu Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB 2) dan Amanah Saham Malaysia (ASM).

ASB 2 mengisytiharkan jumlah pembayaran pengagihan pendapatan sebanyak RM0.82 bilion, bersamaan 5.50 sen seunit kepada 680,141 pemegang unit yang kini memiliki 15.88 bilion unit, dan ASM mengisytiharkan jumlah pembayaran pengagihan pendapatan sebanyak RM1.54 bilion, iaitu bersamaan 5.00 sen seunit kepada 786,088 pemegang unit dengan pegangan 31.22 bilion unit. Sehingga 24 Mac 2026, ASB 2 merekodkan pendapatan bersih terealisasi sebanyak RM0.90 bilion, manakala ASM mencatatkan RM1.64 bilion.

Kedua-dua dana mencatatkan pulangan yang kompetitif dan mampan, dengan pengagihan dividen setara dengan tahun kewangan sebelumnya. Prestasi ini dicapai walaupun berdepan persekitaran global yang mencabar, dipengaruhi oleh pertumbuhan ekonomi yang tidak sekata, ketidaktentuan pasaran, serta peningkatan ketegangan geopolitik. Prestasi ini dicapai walaupun berdepan persekitaran global yang mencabar, yang dipengaruhi oleh pertumbuhan ekonomi yang tidak seimbang serta peningkatan ketidaktentuan, di samping ketegangan

geopolitik yang semakin memuncak.

Dalam menghadapi persekitaran ini, pendekatan peruntukan aset yang berdisiplin berlandaskan peruntukan aset strategik jangka panjang, dengan penekanan terhadap kepelbagaian portfolio merentasi pendapatan tetap, hartanah dan pelaburan persendirian, telah terbukti berkesan dalam menguruskan volatiliti pasaran. Khususnya, peruntukan yang lebih tinggi kepada aset pendapatan tetap telah memberikan kestabilan dan konsistensi pendapatan yang lebih kukuh dalam tempoh ketidakpastian yang meningkat.

Pengagihan pendapatan ASB 2 dan ASM adalah bersamaan dengan jumlah pulangan masing-masing sebanyak 5.50% dan 5.00%, kedua-duanya mengatasi penanda aras Deposit Tetap 12 Bulan Maybank pada 2.18%, masing-masing 332 mata asas untuk ASB 2 dan 282 mata asas untuk ASM.

Pengiraan Pengagihan Pendapatan dan Penangguhan Urus Niaga Dana

Pengiraan pengagihan pendapatan untuk ASB 2 dan ASM adalah berdasarkan purata baki bulanan minimum yang dipegang sepanjang tahun kewangan bagi setiap dana. Pengagihan yang diisytiharkan oleh dana-dana ini akan dilaburkan semula secara automatik ke dalam akaun pemegang unit pada 1 April 2026.

Urus niaga ASB 2 dan ASM di cawangan-cawangan dan ejen-ejen ASNB termasuk semua saluran dalam talian dan perbankan internet akan ditangguhkan sementara dari 27 hingga 31 Mac 2026 bagi memudahkan proses pengiraan pengagihan pendapatan. Pemegang unit boleh menyemak pengagihan pendapatan dan meneruskan transaksi di portal myASNB (www.myasnb.com.my) atau melalui aplikasi mudah alih myASNB, atau di mana-mana cawangan atau ejen ASNB di seluruh negara pada 1 April 2026.

Memperkasa Generasi Akan Datang untuk Menguasai Masa Depan Kewangan Mereka

Sejajar dengan visi jangka panjang ASNB melalui inisiatif Kita Generasi Labur bagi melahirkan generasi yang berdisiplin kewangan dan bersedia menguasai masa depan, ASNB memperkenalkan kempen Raya Ceria Raya Bijak pada musim perayaan ini, bermula 24 Mac hingga 30 April 2026. Inisiatif ini bertujuan menggalakkan ibu bapa dan penjaga untuk menyalurkan duit raya anak-anak ke dalam pelaburan demi masa depan mereka, selain memupuk amalan kewangan yang positif sejak usia muda.

Sebagai nilai tambah, pemegang unit kanak-kanak baharu turut berpeluang menebus barangan eksklusif Along di cawangan ASNB terdekat, sekali gus meningkatkan penglibatan dan pengalaman pelaburan awal mereka. Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://www.asnb.com.my/bijak> atau ikuti saluran media sosial rasmi ASNB.

Selain itu, ASNB juga telah mengeluarkan unit tambahan bagi ASB 3 Didik bermula 25 Mac 2026. Inisiatif ini bertujuan memberikan akses yang lebih luas kepada pemegang unit terhadap dana harga tetap ASNB, sekali gus membolehkan mereka menikmati pulangan yang stabil dan kompetitif sambil menyokong perancangan kewangan jangka panjang untuk diri mereka dan aspirasi masa depan keluarga.

-Tamat-

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Selama lebih empat dekad, kami kekal fokus dalam menyumbang kepada kekayaan Bumiputera dan semua rakyat Malaysia dan berdedikasi untuk memenuhi matlamat kami mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi. Kami komited terhadap kemampunan, amalan bertanggungjawab dan penciptaan masa depan inklusif yang memberi manfaat kepada pihak berkepentingan kami dan komuniti yang disantuni. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my.

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,400 cawangan ejen seluruh negara yang terdiri daripada Affin Bank, Ambank, Bank Islam, Bank Muamalat, Bank Simpanan Nasional, CIMB Bank, Hong Leong Bank, Maybank, RHB Bank dan Pos Malaysia. ASNB kini menguruskan 18 dana unit amanah dengan unit dalam edaran (UIC) melebihi 300 bilion unit daripada lebih 15 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.asnb.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899.

Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB 2)

ASB 2 adalah dana unit amanah harga tetap yang dilancarkan pada 2 April 2014. Ia merupakan dana aset campuran yang sesuai untuk pelabur Bumiputera yang memahami pulangan dan risiko pelaburan, serta mencari dana dengan potensi pulangan tahunan.

Amanah Saham Malaysia (ASM)

ASM adalah dana unit amanah harga tetap yang dilancarkan pada 20 April 2000. Ia merupakan dana aset campuran yang sesuai untuk pelabur yang memahami pulangan dan risiko pelaburan serta mengharapkan manfaat daripada pertumbuhan jangka panjang dana hasil pelaburan semula pengagihan pendapatan (sekiranya ada) dan penerimaan pendapatan (sekiranya ada) ke atas pelaburan mereka.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad

Pengagihan Pendapatan

Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac 2026



ASB 2



Jumlah Pengagihan

5.50
sen seunit



ASM



Jumlah Pengagihan


5.00
sen seunit

Prospektus Induk ASNB bertarikh 1 Februari 2020, Prospektus Induk Tambahan Pertama bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus Induk Tambahan Kedua bertarikh 1 April 2023, Prospektus Induk Tambahan Ketiga bertarikh 1 Disember 2023, Prospektus ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 16 September 2020, Prospektus Tambahan Pertama ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus Tambahan Kedua ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 1 April 2023, Prospektus Tambahan Ketiga ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 1 Disember 2023, Prospektus ASN Equity Global bertarikh 1 September 2021, Prospektus Tambahan Pertama ASN Equity Global bertarikh 1 April 2023, Prospektus Tambahan Kedua ASN Equity Global bertarikh 1 Disember 2023, Prospektus ASN Sukuk bertarikh 25 November 2022, Prospektus Tambahan Pertama ASN Sukuk bertarikh 1 April 2023 dan Prospektus Tambahan Kedua ASN Sukuk bertarikh 1 September 2024 ("Prospektus"), telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC"). Sila baca dan fahami kandungan Prospektus tersebut bersama Halaman Serlahan Produk yang terdapat di laman sesawang (www.asnb.com.my) cawangan dan ejen ASNB. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi Prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan risiko pelaburan serta yuran dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan/atau naik. Prestasi tabung masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.

Amanah Saham Bumiputera 2

Pengagihan pendapatan bagi tahun
keuangan berakhir 31 Mac 2026

Mengatasi pulangan deposit tetap sebanyak 3.32%,
prestasi terbaik dalam 3 tahun




Nota: * Kadar Purata Deposit Tetap 12-Bulan Maybank sehingga 25 Mac 2026

Prospektus Induk ASNB bertarikh 1 Februari 2020, Prospektus Induk Tambahan Pertama bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus Induk Tambahan Kedua bertarikh 1 April 2023, Prospektus Induk Tambahan Ketiga bertarikh 1 Disember 2023, Prospektus ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 16 September 2020, Prospektus Tambahan Pertama ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus Tambahan Kedua ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 1 April 2023, Prospektus Tambahan Ketiga ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 1 Disember 2023, Prospektus ASN Equity Global bertarikh 1 September 2021, Prospektus Tambahan Pertama ASN Equity Global bertarikh 1 April 2023, Prospektus Tambahan Kedua ASN Equity Global bertarikh 1 Disember 2023, Prospektus ASN Sukuk bertarikh 25 November 2022, Prospektus Tambahan Pertama ASN Sukuk bertarikh 1 April 2023 dan Prospektus Tambahan Kedua ASN Sukuk bertarikh 1 September 2024 ("Prospektus"), telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC"). Sila baca dan fahami kandungan Prospektus tersebut bersama Halaman Serlahan Produk yang terdapat di laman sesawang (www.asnb.com.my) cawangan dan ejen ASNB. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi Prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan risiko pelaburan serta yuran dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan/atau naik. Prestasi tabung masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.

Amanah Saham Malaysia

Pengagihan pendapatan bagi tahun
keuangan berakhir 31 Mac 2026

Mengatasi pulangan deposit tetap
sebanyak 2.82%, prestasi terbaik dalam 3 tahun



Nota: * Kadar Purata Deposit Tetap 12-Bulan Maybank sehingga 25 Mac 2026

Prospektus Induk ASNB bertarikh 1 Februari 2020, Prospektus Induk Tambahan Pertama bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus Induk Tambahan Kedua bertarikh 1 April 2023, Prospektus Induk Tambahan Ketiga bertarikh 1 Disember 2023, Prospektus ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 16 September 2020, Prospektus Tambahan Pertama ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus Tambahan Kedua ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 1 April 2023, Prospektus Tambahan Ketiga ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 1 Disember 2023, Prospektus ASN Equity Global bertarikh 1 September 2021, Prospektus Tambahan Pertama ASN Equity Global bertarikh 1 April 2023, Prospektus Tambahan Kedua ASN Equity Global bertarikh 1 Disember 2023, Prospektus ASN Sukuk bertarikh 25 November 2022, Prospektus Tambahan Pertama ASN Sukuk bertarikh 1 April 2023 dan Prospektus Tambahan Kedua ASN Sukuk bertarikh 1 September 2024 ("Prospektus"), telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC"). Sila baca dan fahami kandungan Prospektus tersebut bersama Halaman Serlahan Produk yang terdapat di laman sesawang (www.asnb.com.my) cawangan dan ejen ASNB. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi Prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan risiko pelaburan serta yuran dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan/atau naik. Prestasi tabung masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.